

Bil 14 / Julai - Ogos 2022

# EL-WAZIF

## e-Buletin

Gemilang negara kerana bangsanya. Gemilang bangsa kerana perpaduannya. Atas dasar semangat keluarga Malaysia, perpaduan yang terjalin kini adalah suatu pencapaian yang boleh dibanggakan oleh sebuah negara yang mempunyai latar belakang kaum berbilang bangsa.

Memetik ucapan YAB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia sempena hari kemerdekaan Malaysia yang ke-65, "Adat bersaudara, saudara dipertahankan; Adat berkeluarga, keluarga dilindungi; Adat berkampung, kampung dijaga; Adat berbangsa, perpaduan bangsa diutamakan; Sesungguhnya kita semua satu keluarga; Keluarga Malaysia penyambung warisan.

Teringat satu amanat dari pejuang tanah air iaitu Mat Kilau, "Kalau beragama, jangan sekadar pakaianya (Syariat), biar tentu bersih juga tubuhnya (hakikat). Kalau belajar, jangan sekadar ilmunya, biar tentu kukuh juga adabnya. Kalau beramal, jangan sekadar ayatnya, biar tentu juga berbulat dengan rahsiaNya." Ungkapan ini perlu sama-sama kita perhalusi sebagai seorang muslim, sebagai seorang rakyat yang menumpang budi bakti keringat pejuang negara dan juga sebagai seseorang yang berada di ruang lingkup institusi pendidikan. - Editor.

REKAAN POSTER OLEH:  
MOHD ABQARI BIN AYOB



#KELUARGA  
MALAYSIA  
TEGUH BERSAMA

31 OGOS

## SALAM KEMERDEKAAN

DARI UNIT EL-WAZIF



# EL-WAZIF

*e-Buletin*

Bil 14/Julai-Ogos 2022

UNIT WAKAF, ZAKAT DAN INFQAQ (EL-WAZIF)  
UITM CAWANGAN MELAKA

Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka © 2021

Hakcipta Terpelihara.

Tiada sebarang bahagian dari buletin ini boleh diubah suai, disiarkan semula, disalin, diterbitkan, dipindah milik atau dijual dalam apa jua bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis daripada pihak Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF), Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka.

e-ISSN 2805-5780

Diterbitkan oleh:

Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF),  
UiTM Cawangan Melaka,  
Kampus Alor Gajah, KM 26 Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah, Melaka,  
MALAYSIA.

Tel : 606-5582273,

Faks : 606-5582001

<https://melaka.uitm.edu.my/>

Saluran Komunikasi Unit EL-WAZIF,

UiTM Cawangan Melaka

E-mail : [el-wazif@uitm.edu.my](mailto:el-wazif@uitm.edu.my)

Facebook: <https://www.facebook.com/elwazifuitmcm>



**PENAUNG**

YBHG. PROF. MADYA TS. DR. MOHD RASDI ZAINI  
REKTOR UITM CAWANGAN MELAKA

**PENASIHAT**

USTAZ ABDUL HADI BIN MOHD SALEH  
PAKAR RUJUK WAQAF DAN ZAKAT, EL-WAZIF, UITM CAWANGAN  
MELAKA

**PENGERUSI**

USTAZ MUAZ HJ MOHD NOOR  
KOORDINATOR UNIT EL-WAZIF, UITM CAWANGAN MELAKA

**EDITOR**

MOHD NABIL ZULHEMAY  
PENYELARAS SEKSYEN WAQAF, UITM CAWANGAN MELAKA,  
KAMPUS ALOR GAJAH

**PENOLONG EDITOR**

PUAN SHAHREENA BT DAUD  
PENYELARAS SEKSYEN WAQAF, UITM CAWANGAN MELAKA,  
KAMPUS BANDARAYA

**AHLI JAWATANKUASA:**

**PELAPORAN AKTIVITI DAN SEMAKAN ARTIKEL**  
PROF. MADYA DR. ROZMAN BIN MD YUSOF  
PENYELARAS SEKSYEN WAQAF, UITM CAWANGAN MELAKA,  
KAMPUS BANDARAYA

USTAZ AHMAD AMMAR BIN ROZAINI  
PENYELARAS SEKSYEN ZAKAT, UITM CAWANGAN MELAKA, KAMPUS  
BANDARAYA

**PEREKA BENTUK GRAFIK**

MOHD NABIL BIN ZULHEMAY  
PENYELARAS SEKSYEN WAQAF, UITM CAWANGAN MELAKA,  
KAMPUS JASIN

USTAZ MUHAMMAD FAIDZ MOHD FADZIL  
PENYELARAS SEKSYEN INFQAQ, UITM CAWANGAN MELAKA, KAMPUS  
JASIN

## **ISI KANDUNGAN**

ZAWAF BERTEMU EL-WAZIF	1
LIPUTAN MEDIA SUMBANGAN ETIQA TAKAFUL	2
CHAIROBIC MERDEKA PENUH MAKNA	3
AUDIT DALAMAN WADI	4
WADI RANGKUL PELBAGAI ANUGERAH	5
TIANG ELEKTRIK DI KEBUN WADI	6
SESI PENGAMBARAN VIDEO PROMOSI WADI	7
PROGRAM PENGANTARABANGSAAN KHIDMAT MASYARAKAT: PRIHATIN UMMAH	8
FSK UITM MANFAATKAN “THE FOOD BANK PROJECT” BAGI MENDEKATI GOLONGAN MEMERLUKAN	9
AKU PERNAH TERSUNGKUR	11
HADIAH BUAT SI YATIM	12
MALAM INI BIARKAN SAYA MENANGIS	13
SINAR AIDILFITRI: SETULUS KEIKHLASAN, SERIBU KEGEMBIRAAN	15

# ZAWAF KUNJUNGI UITM MELAKA

## ZIARAH REKTOR DAN WARGA EL-WAZIF UITM MELAKA

19 Ogos 2022 - Telah berlangsung majlis perjumpaan bahagian Zakat, Wakaf dan Sedekah ( ZAWAF) UiTM Shah Alam bersama Rektor UiTM Melaka dan warga Unit EL-WAZIF, UiTM cawangan Melaka. Majlis berlangsung pada awal pagi.

Menyambut kehadiran mereka ialah rektor UiTM Cawangan Melaka, PM Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini, koordinator EL-WAZIF, Ustaz Muaz Mohd Noor serta beberapa JK unit EL-WAZIF, UiTM Cawangan Melaka.

Kunjungan ZAWAF ke UiTM Melaka ini adalah dalam rangka lawatan (road show) tim ZAWAF ke seluruh UiTM semalaysia, bagi menyampaikan taklimat berkaitan situasi semasa zakat dan sedekah, mempromosi zakat UiTM dan perbincangan tentang tabung Tahfiz Plus

[KLIK GAMBAR  
UNTUK KE  
GALERI](#)



Menurut Pengarah ZAWAF UiTM Shah Alam, Dr Mohd Ashrof Zaki bin Yaakob, pemilihan UiTM Melaka sebagai destinasi pertama adalah kerana UiTM Melaka merupakan UiTM cawangan yang paling tinggi bilangan staf yang memotong zakat bersama Zakat Selangor-UiTm.

Bersama-sama dalam rombongan yang diketuai oleh Dr Ashrof ini ialah En Muhamad Faisol Bin Alwi (Ketua Unit Agihan ZAWAF), En Mohd Izwan Bin Ruslan (Ketua Unit Kutipan ZAWAF) dan Dr Azri Bhari (Pakar Rujuk ZAWAF).

Dalam majlis yang sama, Dr Ashrof telah menyampaikan cenderamata berupa payung ZAWAF kepada rektor, sebagai simbolik ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua staf UiTM Melaka yang memotong zakat dengan UiTM.



# LIPUTAN MEDIA SUMBANGAN ETIQA TAKAFUL

Sumbangan zakat oleh Etiqa Takaful kepada UiTM Melaka telah mendapat liputan media pada 18 Ogos yang lalu.

Sumbangan yang bernilai RM150,000 kepada UiTM Cawangan Melaka merupakan salah satu usaha tanggungjawab sosial oleh Etiqa Takaful Berhad.

Menurut wakil Etiqa iaitu Encik Mohamed Hadi, setiap tahun organisasi ini akan menunaikan tanggungjawab zakat perniagaan bukan sahaja kepada UiTM malah pelbagai pihak yang lain.

Berita penuh boleh didapati melalui pautan yang disediakan menerusi gambar keratan akhbar yang tersedia.

KLIK GAMBAR  
UNTUK KE  
PAPARAN BERITA



Etiqa Takaful sumbang zakat RM150,000 kepada UiTM Melaka



DR. Mohamed Hadi Abd. Hamid (tujuh dari kanan) dan Dr. Mohd. Rasdi Zaini (lapan dari kanan) bersama delegasi Etiqa Takaful Berhad dan wakil asnaf pelajar UiTM Cawangan Melaka selepas majlis penyerahan zakat baru-baru ini.

Oleh MEDIA MULIA 18 Ogos 2022, 6:28 pm



# CHAIROBIC MERDEKA PUEN MAKNA

Telah berlangsung satu program yang dinamakan Chairobic sempena hari Merdeka pada tahun ini. Program berlangsung di Pejabat Persatuan Warga Emas (PAWE) Negeri Melaka.

Program ini merupakan khidmat masyarakat anjuran Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Melaka dengan kerjasama EL-WAZIF.

Selain itu, berlangsung juga mesyuarat antara PAWE dan EL-WAZIF serta pihak PTAR bagi membincangkan persiapan

program penanaman anak pokok yang bakal berlangsung di kebun WaDI dijangka pada pertengahan September 2022 akan datang.

Penolong Pengurus Projek WaDI iaitu Encik Amran Abd Rahman telah mewakili WaDI dalam sesi perbincangan yang telah diadakan ini.

Mesyuarat yang telah diadakan ini sebenarnya adalah perjumpaan kali ke-4 dalam siri perbincangan yang diadakan.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada para peserta dan juga pihak pengatur yang telah sama-sama menjayakan program yang diadakan.

TEKAN PADA  
GAMBAR UNTUK  
LEBIH BANYAK  
GAMBAR  
PROGRAM



# AUDIT DALAMAN WADI

Pada 18 Ogos yang lalu telah berlangsung satu sesi audit dalaman di Kebun WaDI UiTM Cawangan Melaka. Sesi berlangsung pada sebelah petang.

Audit dalaman ini bertujuan melihat perlaksanaan pengurusan wakaf WaDI, serta pematuhan operasi kewangan WaDI berdasarkan prosidur ISO pejabat bendahari.

Mengetuai sesi audit selama hampir satu jam ini ialah Pn Ainasyakira Mohd Nong, Timbalan Bendahari UiTM Terengganu, yang disambut oleh penolong ketua pengurus WaDI, Encik Amran Abd Razak.

Turut bersama dalam sesi audit ini ialah Timbalan Bendahari Kanan, UiTM Cawangan Melaka, Tn Haji Zulkepli Hassan.

Menurut Puann Ainasyakira, beliau memuji sistem perlaksanaan projek wakaf WaDI, UiTM Melaka ini. Beliau turut meluahkan hasrat untuk mengadakan lawatan ke WaDI bersama delegasi dari UiTM Cawangan Terengganu kelak.

KLIK GAMBAR  
UNTUK KE  
GALERI



# WADI RANGKUL 5 ANUGERAH

SEMPENA KONVENTSYEN KIK  
UITM ZON SELATAN 2022



Sempena Konvensyen KIK Zon Selatan 2022 yang telah diadakan pada 17 Ogos yang lalu, penyertaan pasukan yang diberi nama EL-WADI telah merangkul pelbagai anugerah dari beberapa kategori.

Antara anugerah yang berjaya dirangkul ialah anugerah KIK Primer (Terbaik Inovasi Sosial), Anugerah KIK Primer (Kategori Penciptaan), Anugerah KIK Berpotensi, Anugerah Penjimatan Kos Sebenar Terbaik, dan Anugerah Penarafan Perak.

Sempena Konvensyen KIK Zon Selatan 2022 yang telah diadakan pada 17 Ogos yang lalu, penyertaan pasukan yang diberi nama EL-WADI telah merangkul pelbagai anugerah dari beberapa kategori.

Antara anugerah yang berjaya dirangkul ialah anugerah KIK Primer (Terbaik Inovasi Sosial), Anugerah KIK Primer (Kategori Penciptaan), Anugerah KIK Berpotensi, Anugerah Penjimatan Kos Sebenar Terbaik, dan Anugerah Penarafan Perak.

# TIANG ELEKTRIK DI KEBUN WaDI

Pada 4 Ogos yang lalu, Tenaga Nasional Berhad telah melakukan kerja-kerja pemasangan tiang elektrik di kebun WaDI.

Hasil perbincangan pihak WaDI bersama TNB, fasa pemasangan dan pengaktifan bekalan elektrik akan dimulakan dalam masa terdekat dari tempoh pemasangan tiang.

Sebagai makluman pembaca sekalian, kos pemasangan bekalan elektrik di WaDI ini adalah hasil sumbangan Persatuan Warga Emas (PAWE) Melaka dengan kerjasama PTAR UiTM Melaka.



TERIMA KASIH  
PAWE & PTAR



# SESI PENGGAMBARAN VIDEO PROMOSI WaDI

Telah berlangsungnya sesi penggambaran video promosi UiTM Cawangan Melaka di kebun Waqaf Dusun Ilmu (WaDI) pada 17 Julai 2022 yang lalu.

Penggambaran ini dilaksanakan oleh kru produksi Pejabat Naib Canselor Universiti Teknologi MARA.

Sesi penggambaran yang mengambil masa hampir 3 jam ini adalah meliputi sesi rakaman temubual Koordinator EL-WAZIF dan Ketua Pengurus Projek, serta rakaman beberapa aktiviti di kebun WaDI, selain suasana dan prasarana di WaDI.



Sesuai dengan namanya WAQAF DUSUN ILMU, projek ini wujud dengan dua elemen penting, iaitu WAQAF DUSUN = Pokok tanaman buah-buahan wakaf, yang hasilnya akan digunakan untuk manfaat warga UiTMCM dan masyarakat sekitar DAN DUSUN ILMU = Sebagai pusat rekreasi staf dan pelajar, seperti aktiviti beriadah, bersukan, beristirehat, kelas praktikal dan sebagainya.

Selain ust Muaz Mohd Noor dan Dr. Faizal P Rameli, turut terlibat dalam menjayakan sesi penggambaran ini adalah Penolong Pengurus Projek WaDI, en Amran Abd Razak, JK Sahabat WaDI, en Fitri, ust Azim, en Hanif, en Zaini dan 6 orang pelajar diketuai NYDP Kolej Tuah, saudara Luqman Shafiq Khairil Akma.

Menurut Naib Censelor UiTM, Prof. Datuk Ts Dr. Roziah Janor, video promosi ini adalah salah satu medium penyaluran maklumat kepada orang awam serta bakal penuntut UiTM khususnya, mengenai program, fasiliti dan prasarana yang disediakan oleh kampus cawangan.

# PROGRAM PENGANTARABANGSAAN KHIDMAT MASYARAKAT: PRIHATIN UMMAH

Sebuah program Pengantarabangsaan Khidmat Masyarakat: Korban dan Wakaf Telaga di Kemboja Siri-2 bertemakan "Prihatin kepada Ummah" di Kemboja pada 11 - 15 Julai 2022 telah selesai dilaksanakan.

Program berbentuk CSR + ibadah korban ini meliputi perbagai aktiviti kebajikan dan khidmat masyarakat, disamping melaksanakan ibadah korban Aidiladha di Kemboja.

Menurut pengarah program, En Mohd Isham bin Abidin, program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar dan staf tentang kondisi kehidupan dan aktiviti-aktiviti masyarakat Islam di Kemboja sekaligus membantu dan memberi sinar kegembiraan kepada masyarakat minoriti Islam di sana.

Program ini telah berjaya mengumpul penyertaan korban dari rakyat Malaysia sebanyak 13 ekor lembu, 25 buah telaga wakaf, sumbangan beras dan lain-lain dengan jumlah kutipan sebanyak RM55,420.00.

Kejayaan ini telah membuktikan kesemua objektif utama program ini telah berjaya dan memberi imej yang positif dengan mengharumkan nama Malaysia amnya dan seterusnya nama UiTM khususnya di Kemboja sekaligus di persada dunia.

Program CSR kali ini juga sangat unik dan istimewa apabila wakil delegasi turut terlibat bersama-sama dengan sebuah lagi projek USR-UITM Kemboja 2022, anjuran Persatuan

Pentadbir UiTM Shah Alam, yang menjalankan pelbagai aktiviti seperti Khatan Percuma, Pemeriksaan Kesihatan, Klinik Al Quran, Basic English Class, dan pelbagai lagi.

Program selama empat hari ini adalah anjuran Persatuan International Business Unity Club (IBUC) dengan kerjasama Fakulti Pengurusan & Perniagaan, Kelab Warisan Budaya (KWB), Kelab Sukarelawan Zakat (SUZA), Akademik Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) & Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF), UiTM Melaka.

Turut bersama dalam rombongan ini ialah Dr Dziauddin Sharif, Ketua Pusat Pengajian ACIS, UiTM Melaka, juga sebagai JK Unit EL-WAZIF, UiTM Melaka.

Bagi pihak pengajur, kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada peserta-peserta dan dermawan-dermawan yang sudi bermuamalah dan memberi kepercayaan kepada kami untuk melaksanakan misi amal yang murni ini.

TEKAN GAMBAR  
UNTUK MELIHAT  
LEBIH KOLEKSI



# FSK UITM MANFAATKAN “THE FOOD BANK PROJECT” BAGI MENDEKATI GOLONGAN MEMERLUKAN



Selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) khususnya SDG 2: Zero Hunger, SDG 3: Good Health and Wellbeing, dan SDG 17 Partnerships for the Goals, pihak Jabatan Sains Asas, Fakulti Sains Kesihatan UiTM Cawangan Selangor telah mengambil inisiatif menjalankan “The Food Bank Project” bersama warga Program Pemulihan Khas Integrasi (PPKI), Sekolah Bandar Baru Kuala Selangor (SEBARU) bagi mendekati keluarga yang memerlukan dari kalangan murid sekolah. Program ini telah mendapat sokongan penuh dan kerjasama yang erat daripada pihak Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) SEBARU dan sokongan dana kit keperluan asas daripada pihak Nadi Annisa Muslim Women Organisation Kuala Lumpur & Selangor (Nadi Annisa).

Menurut Pengarah Projek, En Razif Dasiman, objektif utama program CSR ini adalah bagi mengenalpasti dan mendekati keluarga-keluarga yang memerlukan dari kalangan asnaf, orang kelainan upaya, serta keluarga-keluarga yang memerlukan, yang berkemungkinan terputus bekalan makanan akibat situasi-situasi ekonomi terkini yang agak meruncing.

Menurutnya lagi, bantuan pakej keperluan asas seperti beras, telur, minyak, gula dan tepung yang disediakan oleh pihak Nadi Annisa diharapkan dapat menjadi batu loncatan kepada para penerima untuk meneruskan kehidupan sehari-hari serta meringankan sedikit beban yang ditanggung. Dengan konsep USAHA, BANTU dan MEMBANTU yang diperkenalkan dalam projek kali ini, ianya menggalakkan para penerima untuk berusaha untuk hadir ke sekolah sebelum dibekalkan dengan kit bantuan keperluan asas.

Kali ini, seramai 35 buah keluarga telah menerima manfaat melalui The Food Bank Project ini. Majlis penyampaian kit bantuan keperluan asas ini telah disampaikan oleh Yang Dipertua PIBG Tn Mohamad Ridzuan Naser, wakil Jabatan Sains Asas FSK UiTM En Farezadi Zafry Jamhuri, juga Pn Norzakiah Hj Daud, guru besar SEBARU. Pihak YDP PIBG mengharapkan agar program kolaborasi antara NGO, universiti dan sekolah seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang agar peranan semua pihak dalam membantu masyarakat dapat ditingkatkan dan seterusnya melahirkan masyarakat yang prihatin juga penyayang.

Dengan adanya program seperti ini, kolaborasi mantap antara pelbagai pihak seperti NGO, warga universiti dan masyarakat setempat dapat digembelingkan. Amalan bantu-membantu dalam diterapkan demi meneruskan rantaian "supply chain" yang berkekalan buat semua warga masyarakat lebih-lebih lagi kepada warga masyarakat yang memerlukan agar dapat mendepani cabaran kehidupan dengan lebih tenang dan aman.



DISEDIAKAN OLEH:  
RAZIF BIN DASIMAN  
PENSYARAH KANAN  
(FISIOLOGI), JABATAN  
SAINS ASAS, FAKULTI  
SAINS KESIHATAN, UITM  
CAWANGAN SELANGOR



# AKU PERNAH TERSUNGKUR

Aku pernah jatuh tersungkur  
Aku pernah hancur berderai  
Aku pernah rasa tiada harapan  
Apa yang ada tika itu?

Hanyalah tali Allah senipis rambut selentur  
NiTi.  
Orang hanya berkata,  
"Berzikirlah, bersolatlah, bacalah Al-Quran, pulanglah ke jalan Allah".  
Bukan Ku tak buat. Ku buat sedaya baikku  
namun diuji keras juga oleh Ilahi.  
Walaupun kecewa.  
Meskipun sakit hati.

Ku tabahkan juga melakukan segalanya  
keranaNYA.  
Tidak mudah.  
Sejadaht penuh tangisan.  
Jadi tempat mengadu.

Ku serahkan segalaNYA pada DIA Kembali  
Terima Kasih Allah.  
KeranaMu, aku BANGKIT SEMULA.

NUKILAN:  
DR AFZAN ADILAH AYOUB  
FAKULTI PERGIGIAN,  
KAMPUS SG BULOH

## KITA, MEREKA DAN BAHAGIA

Kita dah puas makan.  
Tambah negara kita dikenali sebagai  
syurga makanan.  
Berapa umur kita sekarang?  
Sedar tak sepanjang usia kita dilimpahi  
dengan makanan?  
Mungkin pernah ada waktu kita terpaksa  
berlapar.  
Mungkin pernah ada waktu kita keputusan  
makanan.  
Tapi dugaan tersebut bukan selamanya  
Dugaan tersebut tidak seberapa.

Andai.....  
Dibandingkan dengan anak kecil di sana  
Andai.....  
Dibandingkan dengan saudara kita di sana....  
Malu rasanya, ditimpa ujian yang sedikit  
Kita berkeluh seolah dunia hampir kiamat.

Sedangkan mereka...  
Seusia bayi perlu berhadapan dengan  
Kiamat dunia yang tiada berkesudahan  
Muhasabah diri....  
Apa salahnya ada waktunya kita cuba  
bertanya diri..  
Mampukah diri andai berada ditempat  
mereka?

Moga kita diberi ruang dan peluang  
Untuk sama berada di sisi mereka.  
Merasa bau debu syurga yang berterbangan  
dilingkari bedilan.  
Andai itu tidak mampu...  
Mungkin rezeki kita adalah hak mereka.  
Bantu mereka, anak kecil dan saudara kita.

Hulurkan rezeki jangan sampai terputus.  
Kerana mereka juga berhak untuk berasa  
bahagia.  
Jangan pernah abaikan mereka kerana  
mereka juga berhak bahagia.

OLEH:  
NOORLIZA ZAINOL, ABDUL RAHMAN AHMAD ROZALI, MOHD NAZRIN  
SAH & SYURHIRDY MOHD NOOR

(FAKULTI PENGURUSAN HOTEL DAN PELANCONGAN, UNIVERSITI  
TEKNOLOGI MARA, CAWANGAN PULAU PINANG, MALAYSIA)

# HADIAH BUAT SI YATIM

Hangat petang masih terasa ketika anak-anak yatim dari Rumah Anak-nak Yatim Husnul Khotimah berbaris panjang pada hari akhir program sedekah amal anak yatim universiti kami. Setelah dua hari mereka bermalam diasrama kolej untuk menanam minat mereka untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti.

"Selamat jalan adik-adik. Kejap lagi bas akan bawa awak semua pusing keliling satu universiti. Harap semuanya suka ye." Kata Zulaikha, pengarah program sedekah amal anak yatim.

"Semua dah dapat hadiah masing-masing? Tu semua hasil kami usaha minta dana dekat syarikat-syarikat besar tau." Kata Fahmy sambil menunjuk ke arah rakan-rakannya yang membantu meminta dana dan membungkus semua hadiah yang berupa makanan, mainan dan sejumlah wang.

Aku hanya memerhati dari satu sudut yang agak jauh dari kumpulan mereka yang mengusahakan hadiah. Bas sudah sedia menunggu dan hendak mula bergerak. Semua anak-anak yatim telah masuk bas, tetapi bas masih belum bergerak.

"Takde siapa yang nak temankan kami untuk tunjuk tempat-tempat kat dalam uni ni sebelum balik?" Tanya Cik Soleha, salah seorang pengiring anak-anak yatim sambil melihat ke arah Fahmy, Zulaikha dan rakan-rakan mereka.

Malangnya mereka langsung tidak membahas pertanyaan itu sambil memandang antara satu sama lain. "Aku takde cari atau bagi hadiah apa-apa. Setakat jadi fasi je. Ni je kot yang aku boleh bagi." Kataku dalam hati.

Aku terus menawarkan diri untuk menemaninya pusing-pusing satu universiti dan terus menaiki bas tanpa banyak fikir.

"Ha, yang ni perpustakaan! Besar kan?"

"Yang ni tasik. Kalau nanti sambung belajar kat sini boleh jalan-jalan atau senam petang-petang kat tepi tasik sambil nyanyi lagu, berangan." Satu bas ketawa mendengar keletahku menerangkan tempat-tempat yang ada di sepanjang laluan keluar dari universiti. Aku cuba sebaik mungkin untuk mengukir senyuman di hati mereka sebelum mereka pulang sebagai hadiah terakhir buat mereka.

Sebulan telah berlalu. Tiba-tiba Zulaikha memberikan telefon pintarnya kepadaku.

"Aku yang telefon, tapi dia orang nak cakap dengan kau." Kata Zulaikha.

"Terima kasih bang sebab teman kami masa program hari tu." Kata Hassan, ketua anak-anak yatim.

"Tapi saya takde bagi apa-apa dik. Kak Zulaikha dengan abang Fahmy yang banyak bagi hadiah kat korang." Balasku.

"Kami selalu dapat barang bang. Tapi takde sape tanya khabar dan betul-betul kisahkan kami. Terima kasih sebab temankan dan buat kami gelak masa balik hari tu. Kami sayang abang." Kata Hassan mengakhiri perbualan.

Hanya Allah yang tahu betapa gembiranya hatiku mendengar kata-kata itu. Terima kasih Allah.

# MALAM INI BIARKAN SAYA MENANGIS

Malam ini izinkan saya menangis.....

Diluar hujan lebat sedang membasahi bumi. Hati teruja dengan masakan botok-botok (eh! bukan detox-detox ya) yang silih berganti asyik terpampang di layar sosial media. Tak boleh jadi ni. Saya minta izin suami untuk mencari bahan, walau diluar masih hujan lebat tapi penangan masakan ini lebih menambat rasa. Sampai sahaja di kedai Acheh yang berdekatan dengan kawasan perumahan, saya terus meluru mencari bahan. Selesai mendapatkan bahan yang diperlukan (walau sebenarnya tak berapa nak lengkap) saya terus ke bahagian kaunter pembayaran untuk membuat pembayaran. Di depan saya, seorang pelanggan kelihatan ketika itu sedang menghulurkan gumpalan duit untuk membayar barang yang dibeli.

Setelah mengira wang yang diberi, si jurujual bercakap dengan pelanggan tersebut. "Tak cukup duit ini encik", walau nada suara jurujual tersebut perlakan; saya masih dapat menangkap bicara tersebut. Kelihatan pelanggan tadi menghulurkan seuncang kecil plastik wang syiling kepada si jurujual. Tanpa bertangguh si jurujual terus mengambil gumpalan wang syiling yang diberi dan mula kelihatan sibuk mengiranya. Selesai mengira, masih dengan nada perlakan "tak cukup lagi sekian-sekian nilainya ini encik", Kelihatan si pelanggan meletakkan semula barang yang ingin dibeli di kaunter bayaran.

"Cik tunggu sekejap ya", balas pelanggan kepada pekerja tersebut sambil terus keluar dari kedai. Sambil mendukung anak kecilnya, pelanggan tersebut mengharungi hujan untuk ke kenderaan. Allahu! Hati mula dipalu, anak kecil dibasahi hujan mengetuk rasa sayu dihati. Saya menghulurkan nilai yang tidak cukup pada pekerja terbabit. Kerana menyangkakan nilai yang tidak cukup ini hanya dalam kiraan duit syiling, saya menghulurkan beberapa keping wang syiling kepada pekerja tersebut. Dan pekerja terbabit mula mengira semula keseluruhan wang yang diterimanya sementara menunggu pelanggan tadi datang kembali untuk menyelesaikan urusannya. Tiba-tiba si pekerja mandongakkan kepala kepada saya, "puan! tak cukup juga duit ini, nak kena tambah sekian-sekian nilainya lagi ini". Kerana kebetulan membawa duit lebih, saya tanpa beroval jawab terus menghulurkan lagi nilai yang tidak cukup itu.

Tidak berapa lama kemudian pelanggan tadi datang semula ke kaunter pembayaran. Dengan nada perlakan terdengar suaranya bercakap kepada pekerja yang sedang berurus dengan beliau, "Cik! saya tak cukup duit, boleh tak saya kembalikan barang yang saya ambil ini. Cik tolong kira untuk ini sahaja"; sambil kelihatan tangannya mengangkat satu bungkus barang. Saya berpaling ke arah lain, menahan rasa air mata yang ingin jatuh.

Tahu apa barang yang ingin beliau beli?. Sebungkus susu buat anaknya dan beberapa keperluan asas dapur. Dan sekarang pelanggan itu cuma inginkan susu buat anaknya sahaja. Kerana diluar hujan masih turun, hati saya tidak dapat menahan air mata dari menitik.

Kemudiannya, kelihatan pekerja memasukkan semua barang tanpa ada yang tertinggal dan menghulurkannya kepada pelanggan terbabit. "Encik! rezeki anak encik barangkali, ini semua untuk encik tadi ada yang tolong bayarkan baki yang tidak cukup". Kelihatan wajah terpampam si pelanggan terbabit dan dengan ucapan terima kasih berkali-kali yang

terucap dari mulutnya, pelanggan itu melangkah keluar dari kedai. Ketika saya begitu mengada-gada terujakan untuk mencuba masakan baru. Ada insan yang tidak kecukupan wang untuk membeli keperluan buat anak kecil dan keluarganya. Saya belajar sesuatu dalam hujan lebat yang masih menitis laju. Dan tolong biarkan malam ini saya terus menangis.....

PENGARANG:

NOORLIZA ZAINOL, ABDUL RAHMAN  
AHMAD ROZALI, MOHAMMAD AZLI  
RAZALI & SYURHIRDY MOHD NOOR

FAKULTI PENGURUSAN HOTEL DAN  
PELANCONGAN,  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA,  
CAWANGAN PULAU PINANG, MALAYSIA

# SINAR AIDILFITRI: SETULUS KEIKHLASAN, SERIBU KEGEMBIRAAN

Sinar Aidilfitri: Setulus Keikhlasan, Seribu Kegembiraan merupakan sebuah program komuniti bagi asnaf di sekitar Melaka, yang dianjurkan oleh para pelajar semester 2, kursus Meeting, Incentive, Convention and Event (M.I.C.E), Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (FPHP) dengan kerjasama Hotel and Tourism in Club (HATIC).



Buat julung kalinya, pihak penganjur juga mendapat sokongan serta bantuan daripada pensyarah dari UiTM Negeri Sembilan, Dr Azira Ayub, dari Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, dan juga Puan Fazila Hassan, wakil komuniti dari Taman Paya Rumput Indah, Melaka. Program ini dianjurkan bagi tujuan mengumpul dana dan sumbangan yang akan disalurkan kepada golongan asnaf di sekitar Melaka khususnya anak-anak asnaf di sekolah rendah, sekolah menengah, pusat tafiz dan lain-lain. Pelbagai bentuk dana/sumbangan berjaya dikumpul oleh pihak penganjur. Antaranya adalah barang keperluan dapur, pakaian raya dan duit raya agar mereka turut berpeluang meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri dengan gembira seperti orang lain. Mengambil keberkatan bulan Ramadhan, ramai di kalangan ahli keluarga, saudara-mara dan kenalan rapat pihak penganjur yang berbesar hati untuk turut sama menjayakan program ini sehingga jumlah penerima sumbangan meningkat daripada 30 orang penerima asal kepada 64 orang penerima. Syukur Alhamdulillah!



Pihak penganjur berpendapat bahawa penglibatan mahasiswa dan orang ramai dalam program amal seperti ini dapat membentuk jati diri yang lebih berkualiti di samping memupuk semangat suka berkongsi rezeki dan membantu golongan yang memerlukan. Selain itu, ia juga dapat membuka mata masyarakat sekitar dalam menjaga kemaslahatan dengan memberi perhatian agar golongan asnaf tidak terkecuali dalam meraikan kedatangan Hari Raya Aidilfitri dengan rasa penuh syukur dan gembira. Kebajikan sosial dan masyarakat memainkan peranan yang penting untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat melalui perkongsian tanggungjawab supaya dapat mewujudkan masyarakat yang berbudaya penyayang.

Manakala, bagi para pelajar M.I.C.E pula, program ini secara tidak lansung menjadi satu penanda aras (benchmark) fakulti atas kejayaan mereka merancang dan menjalankan program ini sebaik mungkin. Menjadi kumpulan pelajar pertama yang berpeluang menganjurkan program secara fizikal (face-to-face) selepas melepassi fasa pandemic COVID-19, para pelajar ini mendapat pelbagai pengalaman dan


pengetahuan di luar kelas dari pelbagai aspek penganjuran acara. Walaupun terdapat beberapa kekangan serta masa yang agak suntuk, para pelajar mendapat sokongan penuh dan tunjuk ajar arif pada para pensyarah dari masa ke semasa bagi memastikan segala perancangan dapat dijalankan dengan jayanya. Di kesempatan ini, pihak penganjur merakamkan jutaan terima kasih kepada semua

pihak yang telah terlibat dalam program ini samada secara langsung maupun secara tidak langsung. Semoga lebih banyak lagi program bermanfaat sebegini dapat dijalankan di masa hadapan.

LAPORAN OLEH:  
SHAREENIE SHERA  
BINTI ABDUL  
HAMID, DR  
MASHITA ABDUL  
JABAR, DR NOR  
AZIRA AYOB, &  
NIK ROZILAINI  
WAN MOHAMAD

FAKULTI  
PENGURUSAN  
HOTEL &  
PELANCONGAN  
(FPHP) UITM  
MELAKA





SUMBANGAN WAKAF  
DUSUN ILMU  
JUMLAH TERKUMPUL  
SEHINGGA OGOS 2022

KUTIPAN RMRM86,013.38  
PERBELANJAAN  
RMRM48,309.98  
SASARAN RM150,000.00

Sumbangan boleh disalurkan ke akaun BANK ISLAM  
UiTM Cawangan Melaka 04024010017652  
(Reference: 'Waqaf Dusun Ilmu').

# Like & Follow

## Media Sosial EL-WAZIF

Ikuti perkembangan terkini program dan aktiviti wakaf, zakat dan infaq (sedekah) di UiTM Melaka melalui saluran Facebook (FB) dan Instagram (IG) rasmi Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF), UiTM Cawangan Melaka

### Pengiklanan (Media Sosial)



Facebook EL-WAZIF UiTMCM



Instagram elwazif.edu.my

